

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

15 OGOS 2016

ISNNIN



| AKHBAR          | TAJUK BERITA                                                     | M/S |
|-----------------|------------------------------------------------------------------|-----|
| BERITA HARIAN   | 600 NELAYAN SEMANGAT SAMBUT MERDEKA                              | 2   |
| UTUSAN MALAYSIA | SEMINART SP BANTU TINGKAT PENCAPAIAN 266 PELAJAR 27 BUAH SEKOLAH | 3   |
| UTUSAN MALAYSIA | RM150,000 BINA MEDAN SELERA                                      | 4   |
| UTUSAN MALAYSIA | SASAR 46 SEKOLAH MENENGAH SERTAI KADET JPJ                       | 5   |
| UTUSAN MALAYSIA | SMK KOTA MASAI 2 PERINTIS KEMPEN KESELAMATAN                     | 6   |



# BERITA HARIAN

*Sehati Sejiwa*  
HARI KEBANGSAAN 2016



## Kibar Jalur Gemilang 92

# 600 nelayan semangat sambut merdeka

**• Deretan bot dihiasi Jalur Gemilang tonjol patriotisme**

15/8/2016

Oleh Nurul Amanina Suhaini dan Syaherah Mustafa  
bhjb@bh.com.my

► Pasir Gudang

**L**ebih 600 nelayan di Kampung Pasir Gudang Baru, di sini tidak ketinggalan mengambil bahagian untuk memarakkan semangat patriotik dengan mengibarkan Jalur Gemilang pada bot mereka.

Mereka sepatuk memasang 100 Jalur Gemilang pada deretan bot masing-masing di sekitar luar perkampungan berkenaan yang menarik perhatian masyarakat.

Hasin Putat, 59, berkata semangat patriotisme bagi menyambut Hari Kebangsaan bukan sahaja merusu pelaksanaan aktiviti dan program tertentu, tetapi lahir dari sifat semula jadi rakyat yang cintakan negara.

"Nelayan di sini mahu menunjukkan kemerlaha menyambut

"Ini antara inisiatif yang dilaksanakan bagi membuat orang luar 'pandang' kepada masyarakat nelayan, kerana kami bangga mengibar Jalur Gemilang ketika sedang mencari rezeki."

Kerajaan banyak membantu menyediakan pelbagai kemudahan termasuk subsidi minyak dan pasar nelayan. Kami hanya mampu menunjukkan rasa berterima kasih dan kesetiaan kepada negara dengan membawa Jalur Gemilang," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Seorang lagi nelayan, Lim Dee Khuang, 56, mengajak generasi muda mengekalkan keharmonian negara, dan kesepakatan antara semua kaum.

Katanya, dalam keseronokan meriahkan sambutan Bulan Kemerdekaan, anak muda khususnya perlu mendalamkan lagi kefahaman mereka mengenai sejarah tanah air.

"Apa sahaja pekerjaan dicebur atau setinggi mana pendidikan seorang itu, jika tiada kesepakatan dalam hidup bermasyarakat, sukar untuk membentuk individu berakhlik dan mempunyai keperibadian yang tinggi," katanya.


**Fakta nomor**

|                                       |             |
|---------------------------------------|-------------|
| 100 BENDER                            | 8 BUAH      |
| dipasang di kampung Pasir Gudang Baru | bot nelayan |

Nelayan turut memasang Jalur Gemilang di bot nelayan di Kampung Pasir Gudang Baru, Pasir Gudang.



[FOTO NURUL AMANINA SUHAINI/BH]



# UTUSAN MALAYSIA

UM 15.8.16

## Seminar SPM bantu tingkat pencapaian 266 pelajar 27 buah sekolah

**JOHOR BAHRU 14 Ogos** - Bagi meningkatkan pencapaian dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), seramai 266 pelajar dari 27 buah sekolah menengah di kawasan ini terpilih menyertai Seminar Hebat SPM 2016 di Dewan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang, dekat sini.

Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Pasir Gudang, Hashim Zainal berkata, seminar dua hari bermula semalam itu bertujuan memberi pendedahan kepada mereka tentang teknik menjawab soalan peperiksaan tersebut.

Beliau berkata, program itu merupakan sebahagian daripada persiapan akhir untuk memberi peluang kepada para pelajar mencipta kecemerlangan di peringkat sekolah menengah sebelum menghadapi peperiksaan sebenar pada awal November nanti.



SERAMAI 120 bekas guru, kakitangan, pelajar dan keluarga dari Maktab Adabi berkumpul dalam Majlis Silaturrahim kali pertama di Dewan Mat Kilau, Kuantan semalam.

Menurutnya, seminar tersebut diharap menjadi pembakar semangat di samping meningkatkan motivasi pelajar untuk terus berusaha gigih tanpa rasa jemu menimba ilmu bagi memboleh-

kan mereka melanjutkan pengajian ke tahap tertinggi khususnya ke universiti.

"Mereka yang terpilih menyertai program hari ini merupakan 'ayam tambatan' untuk memastikan se-

mua mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM nanti.

"Keputusan yang cemerlang akan memastikan peratusan kelulusan dan gred purata sekolah (GPS) dapat ditingkatkan dan

seterusnya dapat meletakkan kawasan Pasir Gudang setanding dengan daerah lain."


"Kita telah menyasarkan peratusan lulus sebanyak 88 peratus," katanya selepas merasmikan

Seminar Hebat SPM 2016 anjuran bersama Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Daerah Pasir Gudang, Berkat Minda Resources (BMR) dan Utusan Malaysia, hari ini.

Yang turut hadir, Pengurus Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) Daerah Pasir Gudang, Abdul Halil Abu Bakar yang juga Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Penggawa Timur.

Hashim berkata, menerusi seminar itu para pelajar didekahkan secara khusus dengan empat subjek utama, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah.

Beliau berkata, program seumpama ini menjadi landasan kepada para pelajar untuk mendalamai teknik-teknik menjawab soalan dengan tepat serta memantapkan strategi bagi menghadapi peperiksaan pada November ini.



# UTUSAN MALAYSIA



MOHAMED KHALED NORDIN (tiga dari kanan) menunjukkan antara hasil laut tangkapan penduduk yang dijual selepas merasmikan Pasar Nelayan Kg. Pasir Gudang Baru, Pasir Gudang baru-baru ini.

um 15/8/16

## RM150,000 bina medan selera

**JOHOR BAHRU 14 Ogos** - Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM150,000 bagi membina sebuah medan selera di Kampung Pasir Gudang Baru, dekat sini dalam usaha meningkatkan pendapatan masyarakat tempatan yang majoriti golongan nelayan.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, medan selera yang dijangka siap pada tahun depan dan merupakan projek serampang dua mata kerajaan yang dapat membantu golongan nelayan meningkatkan pendapatan dan masyarakat setempat berbelanja mendapatkan makanan laut pada harga munasabah.

"Kerajaan sentiasa memikir-

kan pelbagai kaedah baharu dalam usaha meningkatkan pendapatan masyarakat tempatan, termasuklah golongan nelayan.

"Pembinaan medan selera ini akan melengkapkan usaha membantu golongan tersebut," katanya dalam sidang akbar selepas merasmikan Pasar Nelayan Kampung Pasir Gudang Baru, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Normala Abdul Samad; Timbalan Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) negeri, Mohd. Farid Sharif dan Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan, Azli Mohd. Aziz.

Pasar nelayan berkenaan dibina dengan peruntukan sebanyak RM200,000 dan melibatkan jualan harian mencecah sehingga 250 kilogram sejak mula beroperasi pada 30 Julai lalu.

Mohamed Khaled berkata, usaha tersebut juga selari dengan matlamat kerajaan bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat.

"Usaha ini juga merupakan langkah berterusan kerajaan negeri untuk meringankan kos dan bebanan sara hidup rakyat selepas pelbagai program terdahulu, antaranya mewujudkan projek Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ), perkhidmatan bas per-cuma dan WiFi Johor," katanya.



# UTUSAN MALAYSIA

UM 15/8/16

## Sasar 46 sekolah menengah sertai Kadet JPJ

**JOHOR BAHRU 14 Ogos** – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) negeri menyasarkan 46 sekolah menengah menyertai Kadet JPJ melibatkan lebih 1,600 pelajar pada tahun depan.

Pengaruhnya, Mohd. Rusdi Mohd. Darus berkata, pada masa ini sebanyak 23 sekolah dari semua daerah dengan 805 pelajar menyertai pasukan beruniform tersebut yang diperkenalkan sejak tahun lalu.

“Kadet JPJ ini ditubuhkan untuk pelajar sekolah menengah bertujuan meningkatkan disiplin diri untuk mereka mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya. Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Gudang menjadi perintis program ini tahun lalu.

“Menerusi program ini juga kita dapat melahirkan anggota Kadet JPJ yang mempunyai sikap bertimbang rasa, berhemah serta mengutamakan keselamatan sebagai pengguna jalan raya,” katanya selepas melancarkan Kadet JPJ peringkat negeri, di sini baru-baru ini.


Yang turut hadir, Timbalan Pengarah Pendidikan negeri, Azman Adnan. Mohd. Rusdi berkata, pihaknya yakin menerusi penubuhan pasukan itu akan menjadi pembimbing rakan sebaya dan masyarakat supaya menjadi pengguna jalan raya yang berhemah serta bertanggungjawab.

Katanya, keperluan untuk menubuhkan Kadet JPJ berdasarkan statistik kira-kira 60 peratus kemalangan maut

yang membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal terdiri daripada mereka berusia antara 16 hingga 20 tahun.

“Memandangkan kebanyakan remaja menggunakan motosikal sebagai pengangkutan, kita ingin terapkan dan didik mereka mengenai keselamatan jalan raya dan mempertingkatkan kefahaman mengenai fungsi dan peranan JPJ,” katanya.

Dalam pada itu katanya, bagi menggalakkan penunggang dan pembonceng memakai topi kaledar dan memiliki lesen, JPJ melaksanakan tiga pendekatan iaitu memperkenalkan Kadet JPJ, program MyLesen dan program-program pendidikan.



# UTUSAN MALAYSIA

S11851 WM

## SMK Kota Masai 2 perintis kempen keselamatan

Oleh ZULHISHAM ISAHAK  
utusanjohor@utusan.com.my

**JOHOR BAHRU 14 Ogos** – Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kota Masai 2, di sini dipilih sekolah pertama untuk Kempen Keselamatan Jalan Raya pada tahun ini bertujuan menimbulkan kesedaran tentang keselamatan jalan raya dalam kalangan pelajar.

Kempen anjuran Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd. itu turut mendapat kerjasama polis, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan pihak penjara.

Timbalan Ketua Pengarah JKJR, Datuk Roslan Eusoff berkata, usaha itu diharapkan dapat memupuk kefahaman, kesedaran, rasa tanggungjawab dan disiplin dapat diper tingkatkan sekali gus mengurangkan kadar kemalangan maut.

"Pemilihan sekolah ini kerana kira-kira 500 pelajarannya meninggong motosikal ke sekolah setiap hari dan jumlah itu ramai berbanding sekolah lain dan kempen itu diharap dapat menyemai sikap pemanduan berhemah."

"Pelancaran My lesen juga diadakan dengan kerjasama JPJ negeri dan Akademi Memandu Mega Sdn Bhd. Menerusi program My lesen ini mereka ditawarkan untuk mendafatkan diri mengambil lesen B2 dengan bayaran hanya RM299 bagi setiap pelajar," katanya.



**ROSLAN EU SOFF** (dua dari kiri) menyampaikan topi keledar dan jaket pantulan cahaya kepada seorang pelajar di majlis Kempen Keselamatan Jalan Raya di Sekolah anjuran bersama Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd di SMK Kota Masai 2 baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya di Sekolah Dengan Kerjasama Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd. di Dewan Utama SMK Kota Masai 2, baru-baru ini.

Yang turut hadir Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) negeri, Mohd. Rusdi Mohd. Darus; Pengurus Keselamatan, Skuriti, Kesihatan dan Alam Sekitar Petron Malaysia, Lokman Hani dan Pengetua SMK Kota Masai 2, Rosland Mohd. Yusof.

Dalam majlis tersebut, seramai lima pelajar dipilih menjadi duta kempen keselamatan itu

dan pihak JKJR turut menyumbangkan 100 topi keledar serta 50 jaket pantul cahaya kepada pelajar SMK berkenaan.

Roslan berkata, diharapkan kempen tersebut akan membuatkan mereka peka terhadap aspek keselamatan sekali gus mengubah sikap mereka supaya lebih berhati-hati pada masa akan datang.

Tambah beliau, kempen berkenaan selepas ini akan turut di anjurkan di sekolah rendah dan universiti awam selain di

Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) serta Taman Didikan Kanak-kanak (Tadika) seluruh negara.

